

## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN DAN PELANTIKAN SKIM PENYELIDIK PASCA DOKTORAL**

### **1.0 PENGENALAN**

Garis panduan ini disediakan bagi membantu memudahkan serta menerangkan proses permohonan, pelantikan dan perkhidmatan Skim Penyelidik Pasca Doktor. Melalui skim ini, diharap dapat meningkatkan serta melonjakkan tahap pencapaian penyelidikan universiti ke peringkat yang lebih tinggi dan cemerlang.

### **2.0 TERMA RINGKAS**

TNC (P&I)	:	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
TD (P&P)	:	Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pembangunan)
UniSZA	:	Universiti Sultan Zainal Abidin
CREIM	:	Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inkubator Penyelidikan
CV	:	<i>Curriculum Vitae</i>
PTj	:	Pusat Tanggungjawab (Fakulti/ Institut/ dll)
JPPDU	:	Jawatankuasa Pemilih Penyelidik Pasca Doktor UniSZA
JKPU	:	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti
JKPP	:	Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan
JSPPD	:	Jawatankuasa Saringan Penyelidik Pasca Doktor
KPI	:	<i>Key Performance Indicator</i>

### **3.0 TANGGUNGJAWAB**

TNC (P&I), Pengarah CREIM, Pengarah Institut, Dekan, Pendaftar dan semua pihak berkaitan adalah bertanggungjawab untuk memastikan garis panduan ini dipatuhi.

### **4.0 OBJEKTIF**

Skim ini diwujudkan bagi:

- 4.1 Mempergiatkan aktiviti-aktiviti serta penghasilan output yang berkualiti tinggi daripada penyelidikan yang dijalankan;
- 4.2 Meningkatkan penerbitan dalam artikel jurnal berimpak tinggi (yang diindeks oleh Bibliometrik Scopus/ ISI) dan lain-lain;
- 4.3 Memenuhi keperluan *Malaysia Research Assessment (MyRA)* dan QS Ranking; dan
- 4.4 Membantu melancarkan aktiviti-aktiviti penyelidikan universiti.



## 5.0 PERMOHONAN

5.1 Dokumen wajib yang perlu disediakan oleh pemohon skim ini ialah:

- 5.1.1 Salinan Kad Pengenalan (warganegara Malaysia)/ salinan Pasport (bukan warganegara) yang telah disahkan.
- 5.1.2 Gambar bersaiz pasport yang terkini (2 keping).
- 5.1.3 Sijil-sijil akademik (Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana/ Ijazah Doktor Falsafah/ surat kelulusan senat) yang telah disahkan; dan
- 5.1.4 CV pemohon – pemohon dikehendaki mengemukakan senarai penerbitan (artikel jurnal/ tesis) dan butir-butir pengalaman kerja/ penyelidikan.

***Catatan:*** Semua pengesahan salinan fotokopi dokumen perlulah dibuat oleh pihak Universiti atau mana-mana Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

5.2 Permohonan Skim Penyelidik Pasca Doktor UniSZA dibuka sepanjang tahun dan perlu melalui pihak PTj yang berkenaan. Pengambilan Penyelidik Pasca Doktor adalah bergantung kepada keperluan semasa sesebuah PTj.

## 6.0 TARAF LANTIKAN

Taraf pelantikan Penyelidik Pasca Doktor adalah **Kontrak (bukan skim perjawatan JPA)**.

## 7.0 SYARAT-SYARAT LANTIKAN

- 7.1 Skim ini terbuka kepada warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia yang telah mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang tidak melebihi 5 tahun.
- 7.2 Tempoh lantikan pertama bagi seseorang Penyelidik Pasca Doktor adalah tidak melebihi 2 tahun.
- 7.3 Tempoh maksimum pelantikan adalah sehingga 5 tahun.
- 7.4 Pelanjutan tempoh lantikan Penyelidik Pasca Doktor boleh dipertimbangkan dengan mengemukakan Laporan Prestasi (enam (6) bulan sekali) dan mendapat sokongan daripada Ketua PTj dan Penyelia.



## 7.5 Bidang tugas:

### 7.5.1 Bidang Sains & Teknologi

- a) Menghasilkan sekurang-kurangnya lima (5) artikel jurnal dalam jurnal berindeks, satu (1) artikel jurnal mestilah berindeks ISIQ1/ ISIQ2 **atau** tujuh (7) penerbitan berindeks SCOPUS dalam tempoh dua tahun.
- b) KPI setahun mestilah menghasilkan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada lima (5) artikel jurnal yang disebutkan di atas.

### 7.5.2 Bidang Sains Sosial

- a) Menghasilkan sekurang-kurangnya tiga (3) artikel jurnal dalam jurnal berindeks, satu (1) artikel jurnal mestilah berindeks ISIQ1/ ISIQ2 **atau** lima (5) penerbitan berindeks SCOPUS dalam tempoh dua tahun.
- b) KPI setahun mestilah menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) daripada tiga (3) artikel jurnal yang disebutkan di atas.

**Nota:** Penyelidik Pasca Doktor boleh menghasilkan penerbitan bersama penyelidik dari Universiti lain, namun hendaklah dimasukkan nama UniSZA sebagai penggabungan (*affiliation*).

Selain itu, Penyelidik Pasca Doktor juga bertanggungjawab:

- a) Menjalankan tugas-tugas penyelidikan dan inovasi dalam projek yang dikenal pasti atau yang sedia ada di PTj;
- b) Membantu promosi dan membangunkan pengkomersialan hasil penyelidikan; dan
- c) Membantu membangunkan jaringan/ rangkaian penyelidikan dengan pihak luar.

## 7.6 Pemilihan calon adalah berdasarkan kriteria seperti di bawah:

### 7.6.1 Kelulusan/ Pencapaian akademik

- Hendaklah mempunyai kelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) mod penyelidikan;



- 7.6.2 Penyelidikan
- Berpengetahuan dan mempunyai kepakaran dalam bidang penyelidikan bagi bidang tujuhan berkaitan;
- 7.6.3 Penerbitan
- Telah menerbitkan sekurang-kurangnya dua (2) artikel jurnal berindeks ISIQ1/ ISIQ2 (bidang Sains & Teknologi) **atau** sekurang-kurangnya tiga (3) artikel jurnal berindeks SCOPUS (bidang Sains Sosial);
- 7.6.4 Tidak berkhidmat atau terikat dengan mana-mana institusi; dan
- 7.6.5 Lulus pemeriksaan kesihatan dan disahkan sihat oleh pengamal perubatan berdaftar di Malaysia.
- 7.6.6 Tidak disabitkan kesalahan jenayah dan terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana kumpulan radikal/ aktiviti-aktiviti tidak bermoral.

## 8.0 KEMUDAHAN DAN IMBUHAN

8.1 Kemudahan dan imbuhan bagi skim ini adalah seperti berikut:

- 8.1.1 Calon yang telah dilantik akan menerima imbuhan bulanan berjumlah **RM5,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu Sahaja) sebulan.**
- 8.1.2 Kemudahan Perubatan
- Penyelidik Pasca Doktorat layak mendapat kemudahan perubatan di UniSZA Medical Centre (UMC) untuk pegawai sahaja.
  - Rawatan yang ditanggung adalah rawatan sebagai **pesakit luar** sahaja dan terhad kepada **RM100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sahaja)** sekali lawatan.
  - Penyelidik Pasca Doktorat dinasihatkan mengambil insurans perubatan atas pembiayaan sendiri.
- 8.1.3 Kemudahan Cuti
- 25 hari setahun .
  - Permohonan cuti rehat hendaklah diluluskan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (KPTj).
  - Kemudahan Cuti Bersalin Tanpa Imbuhan diberi selama 60 hari. Perkhidmatan kontrak semasa akan dilanjutkan selama 60 hari.



- 8.1.4 Urusan Imigresen/ Permohonan Permit Bekerja (jika berkaitan)
- Urusan imigresen diuruskan oleh pihak Pejabat Pendaftar.
  - Permohonan pas pengajian akan dibantu oleh PTj berkaitan dengan mengemukakan dokumen-dokumen lengkap kepada Pejabat Pendaftar bagi urusan permohonan pas pengajian.
  - Sebarang bayaran berkaitan urusan imigresen tidak ditanggung oleh pihak UniSZA.
- 8.1.5 Kemudahan pejabat disediakan oleh PTj dengan membuat permohonan kepada pihak berkaitan.
- 8.1.6 Tuntutan perjalanan berkaitan penyelidikan yang dijalankan adalah di bawah Geran Penyelidikan.
- 8.1.7 Tuntutan penerbitan hendaklah dibuat oleh Penyelia.

## **9.0 PENERBITAN, HARTA INTELEK DAN HASIL PENGKOMERSIALAN (ROYALTI)**

### **9.1 Penerbitan**

Semua Penyelidik Pasca Doktorat hendaklah menerbitkan hasil penyelidikan sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa.

### **9.2 Harta Intelek**

Hak pemilikan Harta Intelek adalah hak milik UniSZA. Penyelidik Pasca Doktorat digalakkan memohon pendaftaran Harta Intelek sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa.

### **9.3 Hasil Pengkomersialan (Royalti)**

Hasil pengkomersialan hendaklah dibahagikan mengikut Polisi Pengkomersialan sedia ada di UniSZA.



## 10.0 PANDUAN UMUM

- 10.1 Borang Permohonan Skim Penyelidik Pasca Doktorat boleh dimuat turun melalui laman web Pejabat Pendaftar/ CREIM.
- 10.2 Pihak PTj akan menyemak dan mengesahkan setiap permohonan bagi memastikan semua dokumen yang diperlukan adalah lengkap sebelum dihantar ke Pejabat Pendaftar.
- 10.3 Permohonan seterusnya akan dibawa ke mesyuarat JPPDU yang dipengerusikan oleh TNC (P&I). Pihak PTj akan dijemput untuk turut hadir ke mesyuarat ini untuk memperincikan keperluan pelantikan dan kelayakan calon yang berkenaan. Sila rujuk **Lampiran 2 (ii)** bagi bidang tugas dan keahlian jawatankuasa tersebut.
- 10.4 Perakuan mesyuarat JPPDU kemudiannya akan dibawa ke JKPP untuk kelulusan.
- 10.5 Surat tawaran, borang perjanjian dan syarat-syarat lantikan akan dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar kepada pemohon yang berjaya. Satu salinan surat tawaran dan perjanjian akan dimajukan kepada pihak TNC (P&I)/ CREIM/ PTj.
- 10.6 Calon yang dilantik sebagai Penyelidik Pasca Doktorat dikehendaki menandatangani satu kontrak perjanjian yang mengandungi syarat dan kemudahan pelantikan mengikut skim ini. Dokumen kontrak dan perjanjian kerahsiaan adalah seperti yang ditentukan oleh pihak Universiti.
- 10.7 Permohonan pelanjutan pelantikan Penyelidik Pasca Doktorat hendaklah dibuat **6 bulan** sebelum tempoh pelantikan berakhir.
- 10.8 Penyelidik Pasca Doktorat hendaklah mengisi Borang Laporan Prestasi bagi tujuan penilaian prestasi penyelidik dan permohonan melanjutkan tempoh pelantikan.
- 10.9 Sebarang pelanjutan tempoh pelantikan adalah berdasarkan penilaian prestasi penyelidik berkenaan dan kemajuan projek penyelidikan yang dijalankan.
- 10.10 Kelulusan permohonan pelanjutan tempoh pelantikan Penyelidik Pasca Doktorat adalah oleh JKPP.



## 11.0 TANGGUNGJAWAB PENYELIDIK PASCA DOKTORAL

Penyelidik Pasca Doktorat perlu:

- 11.1. Memaklumkan kepada Pejabat Pendaftar mengenai penerimaan lantikan dengan mengembalikan Surat Penerimaan Lantikan yang disertakan bersama salinan Surat Tawaran Lantikan dalam masa **30 hari** dari tarikh surat tawaran. **Sekiranya pihak Universiti tidak menerima maklum balas dalam tempoh tersebut, tawaran tersebut akan terbatal secara automatik.**
- 11.2 Surat Perjanjian hendaklah dilengkapkan dan dimatikan setem. Segala perbelanjaan berkenaan urusan ini hendaklah ditanggung oleh Penyelidik Pasca Doktorat sendiri;
- 11.3 Lulus pemeriksaan kesihatan di Klinik Panel UniSZA atas pembiayaan sendiri;
- 11.4 Memastikan permit bekerja diperolehi terlebih dahulu sebelum melaporkan diri untuk mula bertugas di PTj berkenaan (bukan warganegara Malaysia sahaja);
- 11.5 Mematuhi butir-butir peraturan dan perjanjian yang ditandatangani di antara Penyelidik Pasca Doktorat dengan pihak universiti;
- 11.6 Menghantar laporan prestasi Penyelidik Pasca Doktorat enam (6) bulan sebelum tamat lantikan kepada CREIM;
- 11.7 Borang-borang berkaitan boleh dimuat turun dari laman sesawang Pejabat Pendaftar/ CREIM; dan
- 11.8 Tidak dibenarkan mengemukakan apa-apa tuntutan/ bayaran kepada pihak universiti selain bayaran yang dipersetujui dalam surat tawaran lantikan.

## 12.0 PENAMATAN LANTIKAN

- 12.1 Penyelidik Pasca Doktorat boleh ditamatkan kontrak lantikan sekiranya tidak memenuhi pencapaian yang disasarkan atau disabitkan dengan masalah disiplin dan tatatertib.



- 12.2 Penyelidik Pasca Doktorat yang ingin menamatkan kontrak lantikan di UniSZA/ berpindah universiti, hendaklah mengemukakan notis 1 bulan pemberitahuan penamatan kepada Pejabat Pendaftar melalui Ketua PTj dan disalinkan kepada Pengarah CREIM dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) atau membayar 1 bulan imbuhan.
- 12.3 Bayaran imbuhan bulanan kepada Penyelidik Pasca Doktorat akan dihentikan apabila khidmat penyelidik Pasca Doktorat ditamatkan atau tempoh lantikannya telah berakhir.

### **13.0 PENUTUP**

UniSZA berharap agar garis ini dapat dijadikan panduan dalam urusan pengambilan dan pelantikan Penyelidik Pasca Doktorat UniSZA.

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inkubator Penyelidikan (CREIM)  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Nerus  
Terengganu Darul Iman

Tel: 09 668 7961

Faks: 09 668 7978


Email: [rmic@unisza.edu.my](mailto:rmic@unisza.edu.my)


Laman sesawang: <https://rmic.unisza.edu.my/>





## CARTA ALIR PERMOHONAN SKIM PENYELIDIK PASCA DOKTORAL UniSZA







Lampiran 2 (i)

**JAWATANKUASA SARINGAN PENYELIDIK PASCA DOKTORAL  
PERINGKAT FAKULTI/ INSTITUT**

**A. Bidang Tugas**

- i. Menyemak kelayakan serta kesahihan sijil-sijil pemohon;
- ii. Memastikan borang permohonan adalah lengkap sebelum dimajukan ke Pejabat Pendaftar;
- iii. Memberi ulasan/ sokongan bagi permohonan calon Penyelidik Pasca Doktorat.

**B. Keahlian Jawatankuasa**

- i. Dekan/ Pengarah;
- ii. Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pembangunan)/ Timbalan Pengarah;
- iii. Pensyarah/ Felo Penyelidik yang berkaitan dengan bidang penyelidikan calon Penyelidik Pasca Doktorat.



Lampiran 2 (ii)

## **JAWATANKUASA PEMILIH PENYELIDIK PASCA DOKTORAL UniSZA**

### **A. Bidang Tugas**

- i. Mengesahkan kelayakan calon dari segi kepakaran penyelidikan;
- ii. Menentukan keperluan kepakaran calon serta sumbangan kepada bidang tujahan penyelidikan universiti.

### **B. Keahlian Jawatankuasa**

- i. TNC (P&I);
- ii. Pendaftar (Setiausaha/ Urus Setia);
- iii. Pengarah CREIM;
- iv. Pengarah/ Dekan;
- v. Ahli yang berkaitan dengan bidang penyelidikan calon Penyelidik Pasca Doktorat (jika perlu).